JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 49/2020

**RUJUKAN : 12-13 MEI 2020**


@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI 2020
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berkuatkuasa sejak 18 Mac 2020 dan seterusnya dilanjutkan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah membantu memberi ruang bagi pihak Kerajaan melaksanakan pelbagai aktiviti dan tindakan Kesihatan Awam untuk membendung penularan COVID-19. Antara tindakan proaktif yang dilaksanakan adalah menerusi pengawalan pintu keluar masuk antarabangsa, pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan Pendekatan Tertumpu (*Targeted Approach*) bagi kumpulan yang berisiko tinggi. Keberhasilan usaha ini juga mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap setiap lapisan masyarakat dengan membudayakan Kebiasaan Baharu bagi memerangi jangkitan berterusan di dalam negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 13 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 5,281** atau 77.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,387 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **37 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,779 kes.** Kes import hanya meliputi 4 kes dari catatan harian manakala **penularan tempatan berjumlah 33 kes** dengan sebanyak **21 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 46.9 peratus**, Zon Selatan (24.3 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.1 peratus), Zon Pantai Timur (8.6 peratus) dan Zon Utara (7.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu antaranya** adalah menerusi catatan **di Negeri Sembilan** dengan **merekodkan 22 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur sebanyak 5 kes dan Pahang (3 kes). Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 7 buah negeri termasuk dua (2) Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **111 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **dua (2) rekod kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **8 daerah** dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 12 Mei 2020, **kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** iaitu melepasi 100 kes adalah **Ibu Kota** dengan **159 kes, Rembau (130 kes)** dan **Batu (104 kes).** Sementara itu, **sejumlah 121 daerah dan kawasan** berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**. Semua daerah di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang dan W.P Labuan kekal dengan tiada catatan rekod kes aktif sekurang-kurangnya dalam **tempoh 17 hari**.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **4,254,302 kes** dengan melibatkan **291,334 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,367,491 kes** disusuli oleh Rusia dengan 232,243 kes dan Sepanyol (228,030 kes). Secara umumnya, sebanyak 5 negara telah merekodkan kes positif melebihi 200 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 24,671 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (14,749 kes), Filipina (11,350 kes) termasuk Malaysia (6,779 kes). Sementara itu, **28.2 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang menyumbang 11.2 peratus dan Itali (10.6 peratus). Jumlah kes sembuh yang direkodkan telah menjangkau 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,483,198 kes dengan peratusan sebanyak 34.86 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**AS**: Federal Reserve AS memberi amaran mengenai risiko kegagalan perniagaan yang meluas. Federal Reserve AS memberi amaran bahawa penularan COVID-19 dan penutupan sebahagian sektor ekonomi AS akan mengakibatkan penurunan ekonomi yang bersejarah pada suku kedua dan berisiko mencetuskan kebankrapan besar-besaran perniagaan. Presiden Cleveland Federal Reserve turut menyatakan kebimbangan yang sama setelah tinjauan turut menunjukkan kadar pengangguran yang berpotensi mencapai atau melebihi 20 peratus. Agensi tersebut turut menyatakan, sekiranya wabak tidak dibendung dengan berkesan pada tahun ini akan berpotensi mencetuskan bahaya dari segi kebankrapan perniagaan dan peribadi serta ketidakstabilan dalam sistem perbankan."(Bloomberg)

**INDIA**: Output sektor pembuatan mencatatkan kejatuhan besar pada bulan Mac 2020. Output sektor pembuatan India jatuh mendadak pada bulan Mac, ketika negara itu mula mengambil langkah penutupan sektor ekonomi dan sekatan pergerakan dalam usaha untuk mengekang penyebaran wabak COVID-19. Output pembuatan merosot -20.6 peratus (*YoY)* pada bulan Mac 2020. Output sektor perlombongan tidak berubah, sementara output elektrik turun -6.8 peratus. Output perindustrian keseluruhan yang merangkumi ketiga-tiga sektor, turun -16.7 peratus. Penganalisis ekonomi telah meramalkan kejatuhan -8.7 peratus. (RTT)

**EU**: EU bersetuju meluluskan pinjaman AS$260 bilion untuk mengatasi kemelesetan. Menteri-menteri kewangan di zon Eropah bersetuju untuk membenarkan dana jaminan keluar rantau tersebut kepada setiap negara blok dengan terma konsesi. Kesepakatan ini adalah penting bagi memberi tindak balas blok terhadap krisis kesihatan COVID-19, yang menjadikan Kesatuan Eropah (EU) berada di landasan kemelesetan paling mendalam dalam

sejarahnya. Di bawah instrumen sokongan kecemasan, negara-negara di bawah zon Eropah akan mendapat akses kepada pinjaman berkadar murah yang bernilai hingga 2 peratus dari output negara pada tahun 2019. (Bloomberg)

**EU**: Kemerosotan ekonomi Perancis semakin mereda apabila negara tersebut melonggarkan sekatan pergerakan yang dikuatkuasakan pada pertengahan Mac 2020. Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi masih berada pada tahap yang jauh di bawah paras normal. Menurut Bank of France, melalui tinjauan persekitaran perniagaan yang dijalankan, ekonomi kedua terbesar zon Eropah tersebut beroperasi 27 peratus di bawah paras normal pada bulan April berbanding 32 peratus di bawah paras normal pada separuh kedua bulan Mac 2020. Agensi tersebut turut menyatakan, aktiviti pembuatan adalah 37 peratus di bawah paras normal pada bulan lalu, tetapi tetap lebih baik daripada 48 peratus di bawah paras normal pada bulan Mac 2020. Sementara itu, aktiviti pertubuhan perkhidmatan swasta berkurang sebanyak 27 peratus pada bulan April berbanding pengurangan 37 peratus pada bulan Mac 2020. (Reuters)

**JEPUN**: Indikator ekonomi utama di Jepun bagi bulan Mac 2020 jatuh pada kadar terpantas sejak 2011. Sehubungan itu, kerajaan memberi amaran akan kemelesetan mendalam yang diakibatkan oleh krisis kesihatan COVID-19 yang memberi dampakan negatif ke atas aktiviti perniagaan dan perbelanjaan pengguna. Melalui laporan indeks serentak yang diterbitkan, kerajaan Jepun mengekalkan prospek bahawa ekonomi "lemah" pada bulan Mac berasaskan data ekonomi pada bulan Mac dan April 2020. Indeks serentak, iaitu indeks komposit yang terdiri daripada pelbagai data termasuk output kilang, pekerjaan dan penjualan runcit, turun -4.9 mata awal kepada 90.5 pada bulan Mac dari bulan sebelumnya. Ini merupakan penurunan yang terpantas semenjak Mac 2011, iaitu ketika negara tersebut menghadapi kemelesetan akibat gempa bumi dan tsunami. Indeks pelopor ekonomi, yang merupakan ukuran ekonomi beberapa bulan ke depan dan disusun menggunakan data seperti tawaran pekerjaan dan sentimen pengguna pula mencatatkan kejatuhan -8.1 mata kepada 83.8 pada Mac 2020. Ini adalah penurunan rekod terbesar sejak data tersebut mula dikeluarkan pada tahun 1985. (Reuters)

**CHINA**: Pinjaman bank menurun pada bulan April 2020. Pinjaman bank di China merosot kurang dari yang dijangkakan pada bulan April ketika bank pusat meningkatkan langkah-langkah pengembangan monetari untuk merangsang ekonomi yang dilanda pandemik COVID-19. Menurut People’s Bank of China, pinjaman bank menurun kepada CNY1.7 trilion daripada CNY2.85 trilion pada bulan Mac 2020. Walaupun begitu, penurunan ini adalah lebih rendah berbanding ramalan penganalisis ekonomi iaitu sebanyak CNY1.3 trilion. Bekalan wang M2 berkembang pada kadar yang lebih pantas 11.1 peratus. Ini adalah pengembangan terpantas dalam lebih dari tiga tahun. Bekalan wang M2 dijangka naik 10.3 peratus pada bulan April. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, magnitud kejatuhan hasil **sektor perkhidmatan dijangka merosot 38.6 peratus dengan hasil yang dijana berjumlah RM83.29 bilion** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac hingga 28 April, 2020.

2) **Pertumbuhan ekonomi Malaysia perlahan kepada 0.7 peratus pada suku tahun pertama 2020**, merupakan **kadar pertumbuhan terendah sejak suku tahun ketiga 2009, negatif 1.1 peratus**. Bank Negara Malaysia menjangkakan KDNK akan **menguncup lebih dalam pada suku kedua April hingga Jun**, disebabkan oleh penutupan ekonomi dalam mengatasi penularan wabak COVID-19.

3) Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan **kadar pengangguran akan meningkat ketara pada suku kedua,** terutamanya pada bulan April dan Mei sekali gus menjadikan kadar pengangguran bagi keseluruhan tahun ini lebih tinggi berbanding unjuran asal iaitu empat peratus.

4) **Stok minyak kelapa sawit meningkat lebih dari dua juta tan** pada bulan April berikutan pengeluaran melonjak ke paras tertinggi, sebaliknya permintaan menurun disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

5) **Penggantungan 39 lesen import** untuk produk sawit yang telah ditapis, diluntur dan dinyahbau (RBD) **dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap import RBD Malaysia** disebabkan tiada lesen yang dikeluarkan bagi import Olein RBD (RBDPOP) dari negara ini.

6) **Sektor elektrik dan elektronik (E&E)** paling terjejas susulan penularan COVID-19 dan **menanggung kehilangan eksport mencecah RM29.12 bilion**. Sektor E&E menjadi tulang belakang kepada ekonomi negara dan **menyumbang RM81 bilion atau 5.8 peratus kepada KDNK Malaysia, sementara nilai eksport pula mencecah RM380 bilion tahun lalu.**

7) **Nilai kerja pembinaan yang dilaksanakan dalam negara semasa suku pertama 2020 jatuh 6.3 peratus kepada RM35 bilion,** diburukkan lagi oleh PKP. Semua aktiviti pembinaan turun dalam tempoh tiga bulan pertama, dengan bangunan bukan kediaman menjana hasil yang paling rendah.

8) Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendatangkan impak teruk terhadap semua industri, namun **pasaran hartanah tidak terkesan dengan perkara itu. Selain itu, harga jualan hartanah menunjukkan peningkatan secara marginal pada suku pertama**, meningkat 0.63 peratus kepada 89.46 peratus berbanding 88.90 peratus pada suku keempat 2019.

9) Trafik penumpang Malaysia Airports Holdings Bhd pada bulan April **jatuh 98.8 peratus dari tahun ke tahun kepada hanya 137,000 individu berikutan penguatkuasaan PKP**. Sektor antarabangsa dan domestik masing-masing mencatatkan **penurunan 99.3 peratus dan 98.4 peratus.** Pergerakan pesawat keseluruhannya menguncup sebanyak 91.6 peratus dengan trafik antarabangsa dan domestik masing-masing mencatatkan pengurangan 92.9 peratus dan 90.7 peratus, berbanding April 2019.

10) Sebanyak **RM11.08 bilion saham tempatan telah dijual** oleh pelabur asing setakat tahun ini. Berbanding enam negara Asia lain yang MIDF pantau, Malaysia kekal sebagai negara dengan aliran keluar bersih asing ketiga terkecil setakat tahun ini selepas Indonesia dan Filipina.

11) **Kerajaan akan mengumumkan rancangan enam bulan pemulihan ekonomi Malaysia** pada akhir bulan ini untuk merancakkan semula ekonomi negara pasca COVID-19. Antara semua sektor yang terjejas oleh wabak ini, **sektor elektrik dan elektronik (E&E) menerima impak terbesar dengan anggaran kerugian sebanyak RM7.28 bilion**.

12) Lebih 20,000 permohonan Kemudahan Bantuan Khas (SRF) **diluluskan oleh institusi kewangan dengan nilai RM10 bilion** setakat 4 Mei 2020. Kemudahan itu memberikan manfaat secara langsung kepada 9,000 PKS serta mengekalkan lebih 200,000 pekerjaan.

13) Beberapa syarikat penerbangan tempatan telah berbincang dan mengingatkan bahawa penumpang **dijangka perlu membayar lebih 50 peratus untuk kadar tambang udara jika penjarakan sosial dikuatkuasakan dalam pesawat,** seperti yang dicadangkan oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) berikutan COVID-19. **Malaysian Airlines Bhd dan Malindo Air** bersetuju dengan cadangan itu yang memerlukan penjarakan sosial dalam kalangan penumpang yang akan **menaikkan kadar tambang udara sehingga 54 peratus**.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro Awani** | **Bank Rakyat tawar pembiayaan khas sehingga RM300,000 - Wan Junaidi**<br><br>Bank Rakyat mengambil langkah proaktif dalam membantu individu dan perniagaan yang terjejas daripada kesan ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang berterusan dengan menawarkan pelbagai bantuan kewangan.<br><br>Di samping itu, Bank Rakyat turut menawarkan pembiayaan keseluruhan berjumlah RM50 juta untuk usahawan wanita melalui pakej Biz Lady.<br><br>Dalam pada itu katanya, Bank Rakyat turut menawarkan kempen 'Kami Bersama Anda' yang bermula sejak 24 April lalu sehingga 30 Jun ini. | https://beta.astroawani.com/berita-malaysia/bank-rakyat-tawar-pembiayaan-khas-sehingga-rm300000-wan-junaidi-242635 |
| 2. | **The Star** | **Subdued GDP growth in Q1, contraction in next three quarters: The Economist**<br><br>KUALA LUMPUR: The Economist Intelligence Unit (EIU) expects Malaysia's real gross domestic product (GDP) to register subdued growth on a quarter-on-quarter and year-on-year basis in the first three months.<br><br>On a year-on-year basis, the EIU expects the country's real GDP to slow to around 2.0 per cent in January-March compared with growth of 3.6 per cent in the fourth quarter of 2019. | https://www.nst.com.my/business/2020/05/591839/subdued-gdp-growth-q1-contraction-next-three-quarters-economist |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The ill-effects of Covid-19 containment measures will be felt in the second quarter of this year. The real GDP was likely to contract by 1.9 per cent year-on-year in the second quarter, the EIU said today in a preview of the GDP announcement by Bank Negara Malaysia tomorrow. | |
| 3 | **The Malaysian Reserve** | **Services sector's average revenue falls nearly 40% during MCO**<br><br>The services sector generated an estimated revenue of RM83.29 billion during the first three phases of the Movement Control Order (MCO) up to April 28, representing a drop of 38.6% in its estimated average monthly revenue.<br><br>The Department of Statistics Malaysia (DoSM) said the wholesale and retail trade subsector, which posted the highest revenue at RM63.5 billion, saw a 36.6% slump.<br><br>"Wholesale trade is expected to record revenue of RM34.77 billion or a 28.2% drop, followed by retail (RM27.76 billion or -32.4%) and motor vehicles (RM970 million or -90.9%)," the department said in a newsletter focusing on the MCO's impact on the services sector. | https://themalaysianreserve.com/2020/05/12/services-sectors-average-revenue-falls-nearly-40-during-mco/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **New Straits Times** | **Take steps to minimise future shocks**<br><br>Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin has announced that the Conditional Movement Control Order will be extended for another four weeks to June 9. Continuing the effort to "flatten the curve", the announcement is certainly a wise move to gradually transition Malaysians back to "normal life" again.<br><br>The extension allows ample time for organisations and individuals to prepare for and adhere to the SOPs for working. To date, more than 43 per cent of the Malaysian workforce are back at work and the trend will move upward. | https://www.nst.com.my/opinion/letters/2020/05/591599/take-steps-minimise-future-shocks |
| 5. | **The EDGE** | **Unemployment rate likely to surpass forecast amid 'severe' Covid-19 impact on Malaysia — BNM governor**<br><br>Bank Negara governor Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus said today that the Covid-19 pandemic will "severely" affect the country's economic growth in the first half of this year — particularly the second quarter — given the sudden and almost complete halt in economic activities under the first three phases of the movement control order (MCO) from March 18 to the May 3.<br><br>And the unemployment rate will likely surpass the bank's earlier forecast of 4% — issued in April -- amid the extended MCO and weaker demand. In particular, | https://www.theedgemarkets.com/article/unemployment-rate-likely-surpass-forecast-amid-severe-covid19-impact-malaysia-%E2%80%94-bnm-governor |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | business closures will result in unemployment rates spiking in April and May, she said.<br><br>Nevertheless, she said the country's economic growth to improve in the second half of the year, with growth accelerating in 2021, as trading partners resume economic activities. | |
| 6. | **New Straits Time** | **Making the digital economy accessible to all**<br><br>One of the clear strategies outlined in a recent announcement by the MITI minister is increasing penetration and usage of digital technologies, and the participation in the digital economy.<br><br>As most Malaysians prefer cash transactions, and the norms of purchasing online is suited for the busy life of urban dwellers. Perhaps the recent COVID-19 outbreak has changed this worldview, as new forms of online delivery methods such as personal shoppers and shared delivery services increased in demand during the movement control order.<br><br>Overall, perhaps the coronavirus outbreak has sparked a higher market interest in the applications surrounding the digital economy that we all aspire to develop in Malaysia. It is an opportune moment for businesses and government policy makers to catch this wave to develop a higher level of digitalisation within our domestic economy. | https://www.nst.com.my/business/2020/05/592157/making-digital-economy-accessible-all |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **The EDGE** | **Malaysia's 1Q GDP growth drops to 0.7%, lowest since 2009**<br><br>Malaysia's economic growth slowed to 0.7% in the first quarter of this year (1Q 2020) — the lowest level seen since 3Q 2009 when the economy then contracted by 1.1%, according to the Department of Statistics Malaysia. Gross domestic product (GDP) in 4Q 2019 expanded by 3.6%.<br><br>Chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said Malaysia is expected to continue recording a slower economic growth in 2Q 2020 due to the Covid-19 pandemic, based on the near-term economic direction portrayed by the Leading Index (LI) for the reference month of February 2020. This is supported by the downward movement under the long-term trend of LI beginning reference month of December 2019.<br><br>Mohd Uzir said GDP growth for 1Q 2020, meanwhile, was dragged by negative growth across all sectors except for services and manufacturing which grew 3.1% and 1.5% respectively. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-1q-gdp-growth-drops-07-lowest-2009 |
| 8. | **The EDGE** | **A 'deep contraction' in 2Q GDP forecast for first time in a decade**<br><br>Central bank governor Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus today cautioned Malaysians to expect a "deep contraction" in gross domestic product (GDP) in the second quarter April to June, | https://www.theedgemarkets.com/article/private-consumption-q1-heartening-q2-concerning-says-ocbc-bank |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | owing to a near shutdown in the economy under measures taken to counter Covid-19 pandemic.<br><br>The contraction would be the first since the Global Financial Crisis, when the Malaysian economy shrunk by 1.1% in the third quarter of 2009.<br><br>The central bank will announce its revised full year GDP forecast in the second half of the year, when there is more clarity in the data and outlook. Although the local economy did not contract in the first quarter of the year, the mininal 0.7% expansion underscored the initial impact of Covid-19 as well as the implementation of a movement control order (MCO) towards the end of the quarter. | |

Penemuan penting & isu:

1. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) berkata, Bank Rakyat menawarkan pembiayaan khas sehingga RM300,000 untuk membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan koperasi serta RM50,000 untuk pembiayaan mikro bagi tempoh 69 bulan dengan penangguhan bayaran pembiayaan selama sembilan bulan.
2. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, magnitud kejatuhan hasil sektor perkhidmatan dijangka merosot 38.6 peratus dengan hasil yang dijana berjumlah RM83.29 bilion sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac hingga 28 April, 2020.
3. Salah satu strategi yang diumumkan MITI adalah untuk meningkatkan penggunaan teknologi digital dan penyertaan dalam ekonomi digital. Penularan Covid-19 telah mengubah norma urusniaga tunai kepada pembelian atas talian. Situasi ini boleh menjadi batu loncatan kepada penggubal dasar untuk mengembangkan tahap digitalisasi yang lebih tinggi dalam ekonomi domestik Malaysia.
4. DOSM melaporkan pertumbuhan ekonomi Malaysia perlahan kepada 0.7% pada ST1 2020, merupakan kadar pertumbuhan terendah sejak ST3 2009, negatif 1.1%. Bank Negara Malaysia juga menjangkakan KDNK akan menguncup lebih dalam pada suku kedua April hingga Jun, disebabkan oleh penutupan ekonomi dalam mengatasi penularan wabak Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelbagai inisiatif bantuan dan kempen ditawarkan kepada usahawan PKS dan koperasi bagi mengekalkan kesinambungan perniagaan masing-masing agar dapat melonjakkan semula ekonomi negara sepanjang tempoh yang mencabar semasa COVID-19 dan secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi PKS. Pada tahun 2018, nilai ditambah bagi PKS pada harga malar 2015 adalah RM521.7 bilion berbanding RM491.2 bilion pada tahun 2017 dengan pertumbuhan 6.2 peratus (2017: 7.1%).
2. Susulan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP), terdapat sebahagian besar premis swasta bagi sektor perkhidmatan terpaksa ditutup telah memberi kesan kepada prestasi sektor ini dan malahan memberi impak kepada ekonomi negara. Pada ST4 2019, nilai ditambah sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak 58.6 peratus kepada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan 6.1 peratus berbanding 5.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.
3. Penutupan ekonomi sepanjang PKP telah memberi kesan positif kepada ekonomi digital Malaysia dan memberi peluang kepada pihk berkaitan untuk mengembangkan industri tersebut. Pada tahun 2018, sumbangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi kepada KDNK Malaysia (TMK) berkembang 18.5 peratus berbanding 18.3 peratus pada tahun sebelumnya. Manakala sumbangan e-dagang kepada KDNK Malaysia merekodkan 8.0 peratus pada tahun 2018 berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya.
4. Akibat daripada arahan PKP yang berpanjangan bagi memutuskan rantaian Covid-19, ekonomi Malaysia dijangka akan menguncup pada suku kedua 2020. Indikator rasmi yang mengukur situasi ekonomi negara akan disusun dan diterbitkan dari masa ke semasa oleh Jabatan.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian** | **Kuantan kembali `bernyawa'**<br><br>Daerah Kuantan khususnya di pusat bandar kembali bernyawa selepas kerajaan Pahang membenarkan premis perniagaan kembali beroperasi dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.<br><br>Antara premis perniagaan yang dibuka ialah kedai alat ganti kenderaan, pakaian, kasut, kedai | https://www.msn.com/en-my/news/berita/kuantan-kembali-bernyawa/ar-BB13WBxg |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | emas, kedai buku dan kedai elektrik. | |
| 2. | **The Star** | **Malls that have the edge during pandemic in Johor**<br><br>Matured malls within prime locations in Johor are most likely to persevere and better-withstand the adverse effects of the COVID-19 pandemic.<br><br>The retail businesses and services in Iskandar Malaysia are strongly supported by Singapore residents, who used to do weekend shopping there.<br><br>Matured malls in prime areas with higher rentals may see some tenant movement, especially non-chain local retailers. Meanwhile, new malls may be confronted with rigorous challenges to survive and overcome this pandemic. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/12/malls-that-have-the-edge-during-pandemic-in-johor |
| 3. | **The Star** | **Proton's intelligent air purification system for X70**<br><br>Proton Holdings Bhd is introducing the Proton Intelligent Air Purification System (P-IAPS), which will be offered as standard equipment on the 2020 Proton X70.<br><br>The system combines the benefits of N95 Cabin Filter and the Air Purifier System to offer a comprehensive method to improve in-cabin air quality. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/12/proton039s-intelligent-air-purification-system-for-x70#cxrecs_s |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **The Edge Markets** | **Mercedes-Benz Malaysia resumes business with new health protocols in place**<br><br>Mercedes-Benz Malaysia and Mercedes-Benz Services Malaysia have officially resumed business with stringent health and safety protocols in place following Government approval. Routine service, maintenance and repairs carried out at dealerships will also continue with stringent health protocols in place.<br><br>Mercedes-Benz Malaysia will also introduce the Star Shield programme, a comprehensive safety plan to ensure customer's peace of mind during showroom visits or when sending their vehicles for routine servicing, maintenance and repairs. | https://www.theedgemarkets.com/article/mercedesbenz-malaysia-resumes-business-new-health-protocols-place |
| 5. | **Malay Mail** | **Azmin: Industries must rethink, reinvent, revitalise in new normal**<br><br>Industries must rethink, recover, and revitalise their businesses in the aftermath of COVID-19 pandemic to move forward. Many enterprises hit by this crisis, business survival was the main concern, and in the longer run, it is imperative that businesses remain sustainable.<br><br>COVID-19 crisis had highlighted the need for a rapid transformation of the Malaysian economy and accelerating digital empowerment to enrich the lives and livelihoods of Malaysians is the best way forward. | https://www.malaymail.com/news/money/2020/05/13/azmin-industries-must-rethink-reinvent-revitalise-in-new-normal/1865835 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 6. | **Harian Metro** | **Pengusaha Bas Makin Tenat**<br><br>Ramai pengusaha bas di Johor mungkin gulung tikar akibat kehilangan punca pendapatan kesan pandemik COVID-19. Ini kerana, ada di kalangan pengusaha bas langsung tiada pendapatan sepanjang PKP dilaksanakan.<br><br>Sekiranya sesi persekolahan tidak dibuka hingga akhir tahun, 80 peratus dari pengusaha bas sekolah akan menamatkan operasi mereka. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/577504/pengusaha-bas-makin-tenat-metrotv |
| 7. | **Berita Harian Online** | **Trafik penumpang Malaysia Airports jatuh 98.8 peratus bulan lalu**<br><br>Trafik penumpang Malaysia Airports Holdings Bhd secara keseluruhan merekodkan kejatuhan sebanyak 98.8 peratus dari tahun ke tahun pada bulan lalu kepada hanya 137,000 individu berikutan penguatkuasaan Perintah Sekatan Pergerakan (PKP).<br><br>Sektor antarabangsa mencatatkan penurunan 99.3 peratus dengan trafik penumpang sebanyak 39,000 pada April manakala pergerakan penumpang domestik merosot 98.4 peratus kepada hanya 97,000 orang. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/688110/trafik-penumpang-malaysia-airports-jatuh-988-peratus-bulan-lalu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **C. Subsektor Perkhidmatan Lain** | | |
| 8. | **BH Online** | **Perkhidmatan gunting rambut di rumah pelanggan dilarang**<br><br>Perkhidmatan gunting rambut masih tidak dibenarkan kerana tersenarai dalam perkara yang dilarang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).<br><br>Larangan itu termasuk perkhidmatan gunting di rumah pelanggan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687971/perkhidmatan-gunting-rambut-di-rumah-pelanggan-dilarang |
| | **D. Subsektor Kesihatan Swasta** | | |
| 9. | **The Malaysian Insight** | **Sarawak rejects notion of COVID-19 testing by private clinics, hospitals**<br><br>Sarawak Deputy Chief Minister James Masing has shot down a Sarawak Housing and Real Estate Developers' Association (Sheda) suggestion to allow more private clinics and hospitals to perform COVID-19 screening for foreign workers. | https://www.themalaysianinsight.com/s/245182 |
| 10. | **The Edge Malaysia** | **IHH Healthcare rolls out global telemedicine service**<br><br>IHH Healthcare Bhd has made virtual consultation available across all its key markets worldwide, including in Malaysia, Singapore, Turkey, India and Hong Kong.<br><br>IHH patients are now able to enjoy more convenient access to IHH's full suite of services from consultation to doorstep drug delivery, with the option for a seamless transfer to the group's | https://www.theedgemarkets.com/article/ihh-healthcare-rolls-out-global-telemedicine-service |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | brick and mortar facilities, if necessary.<br><br>While hospitals, medical centers and clinics have implemented the most stringent infection control measures to protect patients' safety and health, many patients cannot or may choose not to visit these physical facilities in person now. | |
| | **D. Subsektor Makanan & Minuman** | | |
| 11. | **Malay Mail** | **Despite relaxed MCO, restaurant owners opt against dine-ins as takeaways safest option**<br><br>Many local eateries have decided to limit their business to takeaways, even as they can provide dine-in services under the conditional movement control order (CMCO).<br><br>Restaurant owners feel it is best to continue with takeaways as they are better able to adopt strict social distancing requirements to ensure the safety of employees and customers alike. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/13/despite-relaxed-mco-restaurant-owners-opt-against-dine-ins-as-takeaways-s/1865574 |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan Pahang telah membenarkan premis perniagaan kembali beroperasi seperti biasa mengikut SOP yang ditetapkan.
2. Pusat membeli belah yang berada di lokasi-lokasi utama di Johor mempunyai kelebihan untuk bertahan lebih lama dalam menangani kesan wabak COVID-19.
3. Proton Holding Bhd memperkenalkan Proton Intelligent Air Purification System (P-IAPS), yang akan ditawarkan sebagai peralatan standard Proton X70 2020.
4. Ramai pengusaha bas di Johor kehilangan punca pendapatan kesan pandemik COVID-19. Sebanyak 80 peratus dari pengusaha bas sekolah dijangka akan menamatkan operasi mereka sekiranya sesi persekolahan tidak dibuka hingga akhir tahun ini.

5. Perkhidmatan gunting rambut sama ada di kedai atau perkhidmatan di rumah masih termasuk dalam senarai terlarang maka perkhidmatan ini tidak dibenarkan sama ada dilakukan di rumah, pejabat atau pun pelanggan datang ke kedai.
6. Mercedes-Benz Malaysia meneruskan operasi perniagaannya dengan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Perkhidmatan, penyelenggaraan dan rutin pembaikan yang dilakukan oleh pengedar juga akan dilanjutkan dengan protokol kesihatan yang ketat.
7. Industri perlu memikirkan semula bagi memulihkan dan menghidupkan kembali perniagaan mereka setelah berlakunya wabak COVID-19 untuk terus maju.
8. Penguatkuasaan PKP telah menghadkan operasi lapangan terbang dan syarikat penerbangan. Hanya penghantaran balik serta penerbangan kargo dibenarkan beroperasi dalam tempoh tersebut memberi impak yang besar kepada penurunan jumlah penumpang.
9. Pesakit dapat menikmati akses yang lebih mudah ke rangkaian perkhidmatan lengkap IHH dari perundingan hingga penghantaran ubat secara langsung melalui perkhidmatan telemedicine yang dilaksanakan oleh IHH Healthcare.
10. Banyak restoran tempatan telah memutuskan untuk menghadkan perniagaan mereka dengan cara membawa pulang makanan, walaupun mereka dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan makan malam di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan perniagaan akan dapat memperbaiki keadaan ekonomi Kerajaan Pahang dan ini secara tidak langsung akan membantu sektor Perdagangan Borong & Runcit selepas tamatnya tempoh PKPB.
2. Penambahan peralatan standard baru yang dilaksanakan oleh Proton Holdings terhadap produk mereka dapat meningkatkan industri jualan kenderaan bermotor.
3. Pengangkutan bas merupakan perkhidmatan yang paling teruk terjejas sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Situasi ini mungkin menyebabkan kehilangan hasil sehingga 90 peratus dan memberi kesan terhadap prestasi pengangkutan darat.
4. Perkhidmatan gunting rambut yang masih tidak dibenarkan beroperasi semasa PKPB akan memberi kesan negatif terhadap pendapatan industri ini seterusnya dijangka menunjukkan kejatuhan yang tinggi pada prestasi suku kedua 2020 nanti.
5. Pembukaan premis perniagaan secara berperingkat akan dapat memperbaiki keadaan ekonomi negara selepas melalui fasa sukar PKP. Ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan pendapatan sektor Perdagangan Borong & Runcit.
6. Penangguhan penerbangan melibatkan penumpang apabila bermulanya PKP, memberikan kesan kejatuhan yang mendadak dari segi nilai hasil bagi subsektor Pengangkutan & Penyimpanan khususnya segmen pengangkutan udara.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 7. Usaha hospital swasta memperkenalkan perundingan kesihatan atas talian sedikit sebanyak membantu sektor kesihatan swasta khususnya industri hospital swasta. | | |
| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **Palm hovers near 10-month low as India's import restrictions weigh**<br><br>Malaysian palm oil futures on Tuesday hovered near a 10-month low hit last week as top buyer India's import restrictions on the refined product dragged prices, though a weaker ringgit capped losses.<br><br>The benchmark palm oil contract for July delivery on the Bursa Malaysia Derivatives Exchange was down RM6, or 0.3%, at RM2,014 per tonne during the midday break. The contract traded near its lowest since last July.<br><br>India, the world's largest edible oil buyer, has suspended 39 licences to import 452,303 tonnes of refined palm oil after a surge in duty-free purchases from neighbours such as Nepal and Bangladesh which are not key producers. | https://www.theedgemarkets.com/article/palm-hovers-near-10month-low-indias-import-restrictions-weigh |
| 2. | **The Sun Daily** | **Malaysia's palm oil stocks up 18.26% in April**<br><br>Malaysia's total palm oil stocks rose 18.26 per cent month-on-month (m-o-m) to 2.05 million tonnes in April 2020 from 1.73 million tonnes in March 2020. | https://www.thesundaily.my/business/malaysia-s-palm-oil-stocks-up-1826-in-april-DN2395603 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The Malaysian Palm Oil Board (MPOB) in a statement today said crude palm oil (CPO) stock also jumped 26.03 per cent m-o-m in April to 1.05 million tonnes from 829,649 tonnes previously.<br><br>Meanwhile, processed palm oil stock was up by 11.09 per cent m-o-m to 999,744 tonnes during the month from 899,931 tonnes earlier, while CPO production increased by 18.28 per cent m-o-m to 1.65 million tonnes from 1.40 million tonnes. | |
| 3. | **The Star** | **Nintendo Switch parts supply limited by lockdowns in Asia**<br><br>Nintendo Co is struggling to procure some essential components for its popular Switch console due to government-imposed lockdowns in Malaysia and the Philippines, likely limiting its production this year.<br><br>Malaysia is Nintendo's source for printed circuit boards while the Philippines provides passive components that attach to those PCBs. Both nations have had to limit business operations and travel as part of their efforts to curb the spread of the novel coronavirus. Malaysia officially relaxed its lockdown on May 4, opening up for most forms of economic activity, however states delayed easing rules due to lack of preparation while | https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/05/12/nintendo-switch-parts-supply-limited-by-lockdowns-in-asia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | companies struggled to get all their workers tested before resuming work. | |
| 4. | **The Star** | **Oil prices climb as Saudi Arabia commits to deeper production cuts**<br><br>Oil futures rose on Tuesday, boosted by an unexpected commitment from Saudi Arabia to deepen production cuts in June in a bid to help drain the glut in the global market that has built up as the coronavirus pandemic crushed fuel demand.<br><br>Brent crude futures advanced 0.7%, or 22 cents, to $29.85 at 0650 GMT, after hitting an intraday high of $30.11 a barrel. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/12/oil-prices-climb-as-saudi-arabia-commits-to-deeper-production-cuts |
| 5. | **The Star** | **Plywood inventory from Malaysia running low in Japan**<br><br>Japan's inventory of imported hardwood plywood, mainly from Malaysia and Indonesia, is running low.<br><br>But the depleting stock has yet to raise any alarm as Japan's domestic demand for the imported plywood has started to decline due to the Covid-19 pandemic.<br><br>"Year-on-year, Japan's February imports of plywood (HS441210-39) dropped 17% and compared to a month earlier, import volumes were down 12.5%" said ITTO. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/12/plywood-inventory-from-malaysia-running-low-in-japan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | But surprisingly, the report said Japan’s imports of assembled flooring (HS441871-79) in the first two months of this year were sharply up from a year ago. Of the four categories of flooring tracked, HS441875 made up about 50% of Japan’s February imports, with most coming from Malaysia and Indonesia.<br><br>Last year Malaysia was Japan’s largest plywood supplier accounting for about 852,000 cubic metres or monthly average of 71,025 cubic metres while Indonesia exported 76,760 cubic metres or monthly average of 63,970 cubic metres to Japan. | |
| 6. | **Bernama** | **eWTP at KLIA serves as global hub for delivery of medical supplies**<br><br>Alibaba Group has announced that its electronic world trade platform (eWTP) at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) will serve as one of its three global hubs besides that of Belgium and Ethiopia for the delivery of medical goods to combat COVID-19.<br><br>The Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), in a statement today, said the selection would further strengthen Malaysia's role as a major trade hub in the region for logistics operations as the global community continues its fight against the pandemic. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1841316 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **Berita Harian** | **COVID-19: Eksport barangan elektrik, elektronik susut RM29.12 bilion**<br><br>Sektor elektrik dan elektrikal (E&E) menanggung kehilangan eksport mencecah RM29.12 bilion susulan penularan COVID-19.<br><br>Menteri Kanan (Perdagangan), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata krisis kesihatan terbesar alaf baharu itu juga menjejaskan sumbangan sektor E&E kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia.<br><br>"Kerugian terkumpul sektor E&E dianggarkan berjumlah RM7.28 bilion daripada KDNK sekali gus menjadi antara sektor paling terjejas disebabkan COVID-19," katanya menyampaikan ucaptama dalam siri webinar Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di sini, hari ini. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/688308/covid-19-eksport-barangan-elektrik-elektronik-susut-rm2912-bilion |
| 8. | **The Star** | **Key Asic seeing surge in demand for ventilator chips**<br><br>Key Asic Bhd said it is seeing a significant demand surge for its chips that go into making ventilators.<br><br>Ventilators are in huge demand globally as they are needed for the treatment of Covid-19 patients in the hospitals.<br><br>“We have started the design platform of the next generation of ventilators that is powered by | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/13/key-asic-seeing-surge-in-demand-for-ventilator-chips |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the latest Internet of Medical Things (IoMT) and Artificial Intelligence (AI) technologies as they can provide significantly better therapeutic effect to patients and enables frontline healthcare professionals to control the ventilators and monitor the patients from a distance or remotely" said chairman of Key Asic Eg Kah Yee.<br><br>"A total new generation of intelligent equipment in the hospitals based on IoMT and AI technologies is needed to deal with the extremely contagious and increasingly complex diseases," he added.<br><br>Key Asic is a technology company that designs and markets chips to customers in Asia, US and Europe. | |
| 9. | **The Star** | **Covid-19: as China reopens, tech firms find supply-chain disruptions continue elsewhere**<br><br>When China announced the reopening of its factories at the end of March, it helped alleviate the pressure many of the world's technology companies had come under since the coronavirus outbreak began. But the broken supply chain is far from back to normal.<br><br>In a survey by the Institute for Supply Management, a US trade association, 80% of 600 US responding companies | https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/05/13/covid-19-as-china-reopens-tech-firms-find-supply-chain-disruptions-continue-elsewhere |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | believed they would be affected by supply-chain disruptions in early March. By the end of March, that number rose to 95%. Most respondents anticipated that the severity would increase in other parts of the world – especially in North America, Japan, Korea and Europe – after China reopened.<br><br>Intel, the silicon-chip giant, has also pointed to the disruption caused by the shutdown outside China as well.<br><br>Based in Santa Clara, California, Intel said its manufacturing operations in the US, Ireland, Israel, Malaysia and Vietnam have all been seriously affected by the outbreak. | |

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak sawit turun RM6, atau 0.3%, pada RM2,014 satu tan. India, pembeli minyak makan terbesar dunia, menggantung 39 lesen untuk mengimport 452,303 tan minyak sawit bertapis setelah lonjakan pembelian bebas cukai dari negara jiran seperti Nepal dan Bangladesh yang bukan pengeluar utama. Ringgit turun 0.14% berbanding dolar AS, menjadikan minyak makan lebih murah. Menurut Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), inventori minyak sawit Malaysia melonjak 18.3% kepada 2.05 juta tan pada April berbanding bulan Mac. Trend keseluruhan kekal rendah dan sekarang pasaran dijangka diperdagangkan lebih rendah. Import minyak sawit Kesatuan Eropah pada 2019/20 mencapai 4,78 juta tan pada 10 Mei, turun 15% dari tempoh tahun lalu. Eksport minyak sawit Malaysia pada 1-10 Mei meningkat antara 7.8% dan 11.9% dari bulan sebelumnya. Harga minyak sawit turut dipengaruhi oleh pergerakan harga minyak soya yang lemah kerana persaingan untuk mendapat bahagian dalam pasaran minyak sayuran global.
2. Nintendo Co menghadapi kesukaran untuk mendapatkan beberapa komponen penting untuk konsol Switch yang popular kerana langkah kawalan pergerakan di Malaysia dan Filipina, kemungkinan akan mengehadkan pengeluarannya tahun ini. Malaysia adalah sumber Nintendo untuk papan litar bercetak sementara Filipina menyediakan komponen

pasif pada PCB tersebut. Pesaing Microsoft Corp (Xbox) dan Sony Corp (PlayStation) mendapat sumber komponen dari negara lain dan oleh itu tidak dipengaruhi oleh langkah kawalan pergerakan.

3. Niaga hadapan minyak meningkat didorong oleh komitmen dari Arab Saudi untuk mengurangkan pengeluaran 1 juta tong sehari (bpd) kepada 7.5 juta barel per hari pada bulan Jun, turun hampir 40% dari bulan April. Niaga hadapan minyak mentah Brent meningkat 0.7%, atau 22 sen, kepada $29.85 setelah mencapai paras tertinggi dalam sehari $30.11 setong. Niaga hadapan minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) A.S. naik 1.8%, atau 44 sen, pada $24.58 setelah mencapai paras tertinggi dalam sehari $24.77. Emiriah Arab Bersatu dan Kuwait komited untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak 180,000 bpd lagi. Kazakhstan juga mengurangkan pengeluaran minyak sekitar 22% pada tempoh Mei hingga Jun.
4. Kelembapan import papan lapis dari Malaysia susulan langkah pergerakan Covid-19 memberi impak kepada pengeluar papan lapis di Sarawak. Menurut Sarawak Timber Industry Development Corp, pendapatan eksport papan lapis Sarawak jatuh kepada RM645 juta pada suku pertama (Q1) 2020 daripada RM713 juta pada Q1 2019 atau turun sebanyak 9.5%. Jepun kekal sebagai pengimport papan lapis terbesar di Sarawak bernilai RM433 juta. Selain papan lapis, Jepun juga membeli produk kayu lain bernilai kira-kira RM129 juta dari Sarawak pada Q1 2020. Bagi tempoh yang sama, Sarawak mengeksport kayu balak bernilai RM143 juta, terutamanya ke India.
5. Platform Perdagangan Dunia Elektronik (eWTP) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang dimiliki oleh Alibaba Group (Alibaba) akan berfungsi sebagai satu daripada tiga hab global utama selain di Belgium dan Ethiopia untuk urusan penghantaran barangan perubatan bagi memerangi pandemik Covid-19. Yayasan itu kini berusaha melakukan sumbangan buat kali kedua kepada negara-negara Asia termasuk Malaysia. Menerusi sumbangan kali ini, Alibaba merancang untuk menjadikan eWTP sebagai lokasi penerimaan sumbangan untuk Malaysia dan hab penyimpanan serta pemindahan sementara sebelum diagihkan ke negara-negara jiran. Sumbangan kali ini mengandungi hampir 80 tan bekalan perubatan yang akan dihantar menerusi beberapa penerbangan kargo dari China.
6. Sektor elektrik dan elektronik (E&E) paling terjejas susulan penularan Covid-19 dan menanggung kehilangan eksport mencecah RM29.12 bilion. sektor E&E menjadi tulang belakang kepada ekonomi negara dan kekal sebagai penyumbang penting kepada KDNK. Sektor E&E menyumbang RM81 bilion atau 5.8 peratus kepada KDNK Malaysia, sementara nilai eksport pula mencecah RM380 bilion tahun lalu.
7. Key Asic adalah syarikat teknologi yang merekabentuk dan memasarkan cip kepada pelanggan di Asia, AS dan Eropah. Sejak Covid-19 merebak, pesanan meningkat berulang kali untuk cip yang digunakan pada ventilator.

| | |
|---|---|
| | Dengan jumlah jangkitan yang masih meningkat di banyak negara dan ada yang lebih cepat daripada yang lain, permintaan dijangka akan terus kukuh untuk sepanjang tahun ini.<br>8. Covid-19 menyebabkan rantaian bekalan global terganggu. Walau pun China telah menyambung semula aktiviti ekonomi, masih banyak Negara lain masih berusaha melawan pandemik tersebut dan menjejaskan pengeluaran global. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (6.7% daripada jumlah eksport), menurun sedikit RM48.8 juta (-0.9%) kepada RM5.4 bilion. Eksport minyak kelapa sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini merosot RM43.5 juta atau 1.4% disebabkan oleh penurunan dalam volum eksport (-22.0%) walaupun nilai purata seunit meningkat 26.4%.<br>2. Eksport petroleum mentah (2.9% daripada jumlah eksport) mencatat penguncupan sebanyak RM101.6 juta atau 4.2% kepada RM2.3 bilion disebabkan oleh penyusutan dalam nilai purata seunit (-6.1%) walaupun volum eksport meningkat 2.0%. Walau bagaimanapun, eksport keluaran petroleum bertapis mencatat kenaikan sebanyak RM2.2 bilion atau 44.3% kepada RM7.2 bilion disebabkan oleh peningkatan dalam volum eksport (+60.4%) walaupun nilai purata seunit menurun 10.0%.<br>3. Eksport barangan elektrik dan elektronik iaitu 33.6% daripada jumlah eksport Malaysia, menyusut RM4.4 bilion (-13.9%) kepada RM26.9 bilion.<br>4. Eksport kayu dan hasil keluaran kayu, yang menyumbang 2.0% kepada jumlah eksport, menurun RM293.0 juta atau 15.6% kepada RM1.6 bilion.<br>5. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19. | |

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
